

# Jangan gadai masa depan rakyat

**A**LHAMDULILLAH akhirnya arahan pemberhentian aktiviti pembalakan sertamerta di Hutan Simpan Batu Talam dan sekitar kaki bukit Bukit Fraser, Pahang telah dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan Perhutanan Pahang.

Terima kasih atas keprihatinan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang telah memandang serius isu yang dibawa oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PeKa).

Saya juga pernah menyuarakan mengenai kebimbangan PeKa Malaysia berkenaan isu pembalakan di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah dalam ruangan ini pada bulan Ogos yang lepas.

Saya juga menyuarakan bantahan kami dan badan pertubuhan bukan kerajaan berkaitan alam sekitar melalui pelbagai medium termasuk menghantar surat bantahan kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta kerajaan negeri Kedah. Namun, sehingga hari ini, bantahan itu dipandang sepi oleh semua agensi kerajaan.

Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda ini terdiri dari gabungan beberapa hutan simpan seperti Hutan Simpan Ulu Muda, Hutan Simpan Pedu, Hutan Simpan Padang Terap dan beberapa lagi hutan simpan sehingga membentuk keluasan 160,000 hektar.

Kawasan kompleks hutan ini adalah kawasan tadahan air utama di utara Semenanjung Malaysia yang menyumbang bekalan air bersih untuk 96 peratus penduduk di Kedah (termasuk Langkawi), 80 peratus penduduk di Pulau Pinang dan 50 peratus penduduk di Perlis melalui Empangan Ahning, Empangan Pedu dan Empangan Muda.

Ia juga penyumbang utama bekalan air kepada pergerakan aktiviti industri, pelancongan, perniagaan dan sebagainya kepada Kedah dan Pulau Pinang.

Malah, sumber air dari kawasan Kompleks Hutan Ulu Muda ini adalah penyumbang air untuk sawah padi di Kedah melalui Skim Pengairan Muda yang mana ia adalah penyumbang 40 peratus bekalan beras negara.

Saya tidak boleh bayangkan seandainya sumber air di kawasan kompleks hutan ini dimusnahkan perlahan-lahan dan pastinya negeri-negeri di utara akan mengalami krisis bencana air terbesar.



Pemantauan PeKa Malaysia melalui udara dan lawatan sekitar hutan simpan ini mendapati aktiviti pembalakan sedang rancak dijalankan dan banyak laluan balak selebar 5 meter dikesan berbanding 3 meter pada tahun lepas.

Beberapa matau berkeluasan lebih kurang 20 hingga 30 buah padang bola turut banyak ter-

Seandainya sumber air di kawasan kompleks hutan ini dimusnahkan perlahan-lahan dan pastinya negeri-negeri di Utara akan mengalami krisis bencana air terbesar

simpan ini bagi menempatkan kayu-kayu balak berkualiti tinggi seperti cengal, merbau dan meranti sebelum dibawa keluar.

PeKa merasakan sudah sampai masanya kerajaan negeri Kedah bertindak menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda ini dan mencari mekanisme baharu dalam menjaga ekonomi negeri untuk jangka panjang.

Perlu diingatkan bahawa seandainya krisis bekalan air bersih di negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis berlaku, nescaya ia bukan sekadar krisis untuk ketiga-tiga negeri ini sahaja, malah ia akan melibatkan keseluruhan Semenanjung Malaysia kerana sudah pasti ia akan menjejaskan kerangka aktiviti industri, perniagaan, pelancongan dan lain-lain.

Ini secara langsung akan merencatkan perkembangan ekonomi di ketiga-tiga negeri dan akan melibatkan penutupan perniagaan dan perindustrian.

Maka, kesan yang lebih buruk adalah pemberhentian kerja dan penghijrahan penduduk secara besar-besaran ke negeri-negeri lain

yang turut akan membawa kesan gejala sosial secara jangka panjang.

Dari sudut habitat dan hidupan liar pula, penghijrahan haiwan-haiwan ini pastinya akan berlaku terutama ke negara jiran, Thailand kerana kompleks hutan ini bersempadanan terutama Yala, Thailand.

Untuk makluman semua pembaca, Thailand telahewartakan kawasan hutan simpan di sebelah kawasan bersempadanan negeri Kedah sebagai taman negara dan pastinya hidupan-hidupan liar ini akan mencari kawasan habitat dan sumber makanan serta minuman yang baharu setelah habitat sedia ada mereka di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda dimusnahkan.

Negara akan kehilangan hidupan liar yang sangat bernilai termasuklah 112 spesies mamalia, 175 spesies burung, 55 spesies amfibia, 63 spesies reptilia dan 20 spesies ikan air tawar. Ini secara langsung akan menjejaskan ekosistem dan biodiversiti yang turut memberi kesan kepada perubahan iklim dan cuaca secara negatif.

PeKa Malaysia ingin menyarankan agar Kompleks Hutan Simpan Taman Negara Ulu Muda ini diwartakan sebagai Taman Negara Ulu Muda di bawah Akta Taman Negara 1980.

Antara lain tujuan pewartaan Taman Negara Ulu Muda ini adalah untuk memelihara dan melindungi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan dan elemen-elemen yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah, entrologi dan lain-lain.

Melalui pewartaan ini, Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda akan dapat memberi harapan baharu kepada masa depan rakyat di utara Semenanjung Malaysia dan hidupan liar untuk selama-lamanya.

● **PUAN SRI SHARIFFA SABRINA SYED AKIL** ialah Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia